



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**PILIHAN RAYA NEGERI DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-12
SARAWAK: ETIKA BERKEMPEN DALAM NORMA BAHARU
SEMASA PANDEMIK COVID-19**

*12th SARAWAK STATE ELECTION: NEW NORMS ETHICS IN CAMPAIGNING
DURING THE COVID-19 PANDEMIC*

Nur Aida Kipli^{1*}, Elizabeth Caroline Augustine², Kuldip Singh³

¹ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia
Email: aidan@uitm.edu.my

² Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia
Email: elizabeth@uitm.edu.my

³ Faculty of Administrative Science and Policy Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Malaysia
Email: kuldip@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.04.2022

Revised date: 25.04.2022

Accepted date: 05.06.2022

Published date: 22.06.2022

To cite this document:

Kipli, N. A., Augustine, E. C., & Singh, K. (2022). Pilihan Raya Negeri Dewan Undangan Negeri Ke-12 Sarawak: Etika Berkempen Dalam Norma Baharu Semasa Pandemi Covid-19. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 135-142.

DOI: 10.35631/IJLGC.728010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pilihan raya Negeri Sarawak yang ke-12 yang telah berlangsung pada 18 Disember 2021 merupakan pilihan raya yang kedua menggunakan SOP (*Standard Operation Procedure*) berkempen ala norma baharu yang dikeluarkan oleh pihak KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) setelah pilihan raya di Melaka. Dari 82 DUN yang dipertandingkan, 18 DUN telah disaran agar menggunakan platform kempen secara alam maya atau digital. Peralihan ke konsep alam maya atau digital semestinya merupakan cabaran baru kepada calon-calon yang bertanding untuk meraih undi di kawasan perwakilan masing-masing. Kertas kerja ini bertujuan untuk membentangkan 18 DUN yang terlibat secara aktif dalam penggunaan platform alam maya sebagai taktik dan kaedah penyampaian untuk kempen di norma baharu Isu kepatuhan dengan SOP dan pemantauan dari pihak pilihan raya diperjelaskan. Kaedah penyelidikan adalah secara kualitatif berdasarkan tinjauan, pemerhatian dan analisis dokumen yang berkaitan sepanjang tempoh berkempen dijalankan selama 12 hari bermula 6 Disember 2021 sehingga 17 Disember 2021. Kempen secara alam maya ini merupakan salah satu strategi yang berkesan dan capaian maklumat yang meliputi segenap lapisan penghuni di kawasan perwakilan dan akan dijadikan rujukan pada pilihan raya yang akan datang.

Kata Kunci:

Etika, Kempen, Norma Baharu, Pilihan Raya

Abstract:

The 12th Sarawak State Election, held on December 18, 2021, was the second election in which SOP (Standard Operation Procedure) campaigning was used in accordance with new MOH (Ministry of Health Malaysia) rules, following the election in Melaka. 18 of the 82 DUNs who competed were advised to use the campaign platform in a virtual or digital setting. The transition to a virtual or digital world is unquestionably a new challenge for candidates seeking votes in their various areas. The purpose of this paper is to present the 18 DUNs that are actively participating in using virtual reality platforms as tactics and delivery mechanisms for campaigns in the new norms. Issues of compliance with SOPs and monitoring from the electoral side are clarified. During the campaign period, which lasted 12 days from December 6 to 17, 2021. Qualitative research design based on observations and document analysis was used to collect data on campaign. This virtual campaign is among the most effective strategies and sources of information in the constituency and it will be utilised as a model for the next election.

Keywords:

Campaigns, Elections, Ethics, New Norms

Pengenalan: Latarbelakang PRN DUN Sarawak ke-12 Tahun 2021

Pilihan raya Negeri Sarawak (PRN DUN) ke-12 telah diadakan pada 18 Disember 2021 dengan menyaksikan kemenangan besar kepada GPS dengan membolot 76 dari 82 DUN kerusi untuk tahun 2021. Seramai 349 calon yang telah bertanding dari 11 parti politik dengan pecahan seperti berikut : Gabungan Parti Sarawak (GPS) - 82, Parti Bumi Kenyalang (PBK) - 73, Parti Sarawak Bersatu (PSB) - 70, Parti Keadilan Rakyat (PKR) - 28, Parti Tindakan Demokratik (DAP) - 26, Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI) - 15, Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDSB) - 11, Parti Amanah Negara (AMANAH) - 8, Parti Sedar Rakyat Sarawak (SEDAR) - 5, Parti Islam Se Malaysia (PAS) - 1 dan Bebas - 30. Jumlah ini telah menampilkan bilangan mengikut penjuror dengan jumlah DUN yang terlibat iaitu 2 penjuror - 4 DUN, 3 penjuror - 13 DUN, 4 penjuror - 33 DUN, 5 penjuror - 24 DUN, 6 penjuror - 7 DUN dan 8 penjuror - 1 DUN. Seramai 304 calon lelaki dan 45 orang calon wanita terlibat dalam pilihan raya kali ini dengan umur calon yang tertua dari DUN N53 Bawang Assan dari Parti Sarawak Bersatu - 79 tahun dan calon termuda dari DUN N11 Batu Lintang dari Parti Keadilan Rakyat dan DUN N55 Nangka dari Parti Bumi Kenyalang iaitu 24 tahun. Manakala, tempoh 12 hari berkempen telah bermula pada 6 Disember sehingga 17 Disember 2021 sehingga jam 11.59 malam.

Media Sosial

Pada masa kini, media sosial semakin berleluasa penggunaannya dikalangan masyarakat di dunia. Ia juga menjadi medan komunikasi utama sebagai perpindahan maklumat, idea, kefahaman atau perasaan antara manusia. Aktiviti komunikasi ini merupakan aktiviti yang berlaku dalam setiap rutin kehidupan kita. Kaplan dan Haenlein (2010) mendefinisikan bahawa media sosial sebagai sebuah program kelompok aplikasi berasaskan internet yang membangun di atas dasar ideologi dan teknologi web 2.0 yang memungkinkan penciptaan dan pertukaran idea. Ini memberi maksud yang media sosial adalah sebuah media online atau dalam talian dan jaringan sosial merupakan satu laman di mana setiap orang boleh membuat laman web secara peribadi, kemudian berhubung dengan rakan-rakan untuk berkongsi maklumat dan

berkomunikasi. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Meijer (2012), ianya menunjukkan bahawa yang kebangkitan ada media alaf baru ini telah membentuk persekitaran dalam komunikasi maya yang mana ianya mampu membina interaksi sosial dan membenarkan penglibatan yang lebih meluas. Ini kerana, kepelbagaian platform yang sedia ada di media sosial turut dijadikan sebagai satu medan manusia berhubung dan berhibur dengan memberi sumbangan dan maklum balas secara terbuka, memberi komen, serta berkongsi maklumat dalam masa yang cepat dan tidak terhad. Kebebasan yang ditawarkan oleh media beralaf baru ini membolehkan sesiapa sahaja menyuarakan pandangan mereka tanpa mengambil kira latar belakang struktur masyarakat. Dalam perkembangan teknologi terkini, media sosial merupakan saluran yang membantu rakyat untuk memahami proses komunikasi, sama ada komunikasi antara individu mahupun komunikasi yang melibatkan antara manusia dengan aplikasi teknologi terkini.

Penggunaan Media Sosial dalam Kempen Norma Baharu

Kebimbangan terhadap ancaman pandemik COVID-19 menyebabkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak membenarkan aktiviti kempen secara fizikal dan lebih menggalakkan kempen menggunakan platform media sosial secara alam maya kecuali di 64 daripada 82 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mempunyai liputan internet yang lemah atau tidak mempunyai capaian internet yang tinggi. Pengumuman keputusan SPR telah menggalakkan 18 calon DUN perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam tempoh kempen selaras norma baharu yang perlu diamalkan. Parti-parti politik telah berkempen seperti menerusi media massa elektronik dan cetak dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *YouTube*, *WeChat*, *Snapchat*, *Whatsapp*, *Telegram* dan aplikasi-aplikasi lain yang membolehkan penyokong dan calon berinteraksi dengan pengundi serta penyokong mereka secara alam maya.

SOP PRN DUN Sarawak ke-12

Merujuk kepada kenyataan media yang bertarikh 5 Disember 2021 dalam sesi proses penamaan calon pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri (PRU DUN) Sarawak ke-12, Prosedur Operasi Standard (SOP) Khas Pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRU DUN Sarawak ke-12 telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 5 Disember 2021 (Ahad) selaras dengan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Bil.32/2021). SOP Khas ini telah dilaksanakan dengan ketat di semua proses perjalanan pilihan raya iaitu taklimat petugas, proses cetakan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan penjumlahan rasmi undi. Calon-calon yang bertanding boleh merujuk kepada maklumat lanjut berkenaan SOP Pencegahan COVID-19 PRU DUN Sarawak ke-12 di pautan portal spr.gov.my. Antara beberapa isi kandungan yang menyentuh kepada etika berkempen mengenai SOP Pencegahan COVID-19 PRU DUN Sarawak ke-12 adalah seperti berikut :

1. SPR tidak membenarkan aktiviti rentas negeri bagi tujuan kecuali lima pemimpin tertinggi parti politik yang bertanding.
2. Kebenaran untuk merentas sempadan daerah atau negeri bagi tujuan mengundi adalah tertakluk kepada arahan tetap yang sedang berkuat kuasa.
3. Penganjuran ceramah secara fizikal hanya dibenarkan di 64 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang tidak mempunyai capaian internet.

4. Kehadiran peserta pada sesi ceramah adalah 50 peratus daripada kapasiti premis atau maksimum 150 orang dalam satu-satu masa.
5. Calon dan dua petugas parti dibenar mengedarkan risalah serta bahan kempen di rumah panjang di seluruh negeri sepanjang PRN12 Sarawak.
6. Edaran risalah dan bahan kempen itu hanya boleh dibuat di hadapan rumah atau di ruai rumah panjang sahaja.
7. Petugas media tidak dibenarkan untuk temu bual secara 'terjah' atau di luar masa yang ditetapkan di pusat-pusat mengundi.
8. Sebarang acara sambutan atau majlis keraian kemenangan calon adalah tidak dibenarkan.
9. Calon digalakkan untuk berkempen menggunakan media sosial.

Metodologi

Teknik pengumpulan data untuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen-dokumen yang berkaitan. Nota lapangan dan catatan para penyelidik merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Patton, 1990). Merujuk kepada kertas kajian yang dibentangkan, proses pengumpulan data bermula setelah hari penamaan calon pada 6 Disember 2021 sehingga 17 Disember 2021 sehingga jam 11.59 malam. Tempoh 12 hari berkempen merupakan skop kajian untuk kerja lapangan yang melibatkan data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data seperti berikut:

- (1) Hasil pemerhatian: Huraian terperinci tentang situasi, keadaan, interaksi dan tingkah laku calon-calon yang bertanding di sekitar 18 DUN yang diamati di lapangan secara rakaman digital dan juga hebahan dari media sosial terutamanya melalui saluran televisyen iaitu TVS, Astro Awani dan BERNAMA,
- (2) Hal pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang (pakar analisis untuk topik kajian) tentang pendapat, sikap, pandangan dan pemikiran mereka melalui rancangan temu bual dan bual bicara yang mendalam seperti Sarawak Decides (TVS), Sarawak Memilih (Astro Awani) dan Bicara Sarawak (BERNAMA) di sepanjang tempoh 12 hari berkempen. Bentuk soalan berstruktur yang telah ditetapkan oleh penerbit rancangan bual bicara turut diutarakan dengan merujuk kepada keadaan semasa tempoh berkempen,
- (3) Bahan bertulis: petikan dan juga keseluruhan warta bertulis, rakaman dan penerbitan dari keratan akhbar mengulas perihal skop kajian untuk tempoh berkempen

Dapatan Kajian dan perbincangan: 18 DUN yang terlibat dalam kempen secara alam maya

Tempoh berkempen bagi Pilihan raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12 yang telah berlangsung selama 12 hari telah memberi cabaran kepada 18 DUN (seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.1 di bawah) untuk berkempen dengan norma baharu di platform alam maya.

Jadual 1.1: Senarai 18 DUN yang Terlibat Dalam Kempen Secara Alam Maya untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12 (Nur Aida Kipli, Elizabeth Caroline Augustine, dan Kuldip Singh, UiTM Cawangan Sarawak, 2021)

Bil	DUN	Nama Calon	Parti	Platform Media Sosial						
				FB	WA	Twitter	IG	Tiktok/Video Pendek/Youtube	Ceramah Alam Maya	Lain-lain
1	N04 Pantai Damai	Abdul Rahman Junaidi	GPS	/		/		TikTok		
2	N05 Demak Laut	Hazlan Abang Hipi	GPS	/				Video Pendek		
3	N06 Tupong	Fazzrudin Abdul Rahman	GPS	/	/			Video Dokumentari		
4	N07 Samariang	Sharifah Hasidah	GPS	/		/	/			
5	N08 Satok	Ibrahim Baki	GPS	/		/		Video Pendek		
6	N09 Padungan	Wee Hong Seng	GPS	/		/		Video Pendek		
7	N10 Pending	Violet Yong Wui Mui	DAP	/		/	/			Sesi interaksi secara langsung
8	N11 Batu Lintang	See Chee How	PSB	/		/	/	Video Pendek		
9	N12 Kota Sentosa	Wilfred Yap Yau Sin	GPS	/		/	/	Video Pendek		
10	N13 Batu Kitang	Lo Khare Chiang	GPS	/		/	/	Video Pendek		
11	N14 Batu Kawa	Sim Kui Hian	GPS	/				Video Dokumentari		QR Code & 'War Truck'
12	N51 Bukit Assek	Chieng Jin Ek	GPS	/			/	Video Pendek		
13	N54 Pelawan	Michael Tiang Ming Tee	SUPP	/						
14	N55 Nangka	Dr. Annuar Rapae	GPS	/			/			Facebook Live

15	N68 Tanjong Batu	Johnny Pang Leong Ming	GPS	/			/			
16	N73 Piasau	Sebastian Tig Chiew Yew	GPS	/	/				/	Sesi interaksi secara langsung
17	N74 Pujut	Adam Yii Siew Sang	GPS	/	/		/	Video Pendek		
18	N75 Senadin	Lee Kim Shin	GPS	/		/		Video Pendek		

Lima platform utama menjadi pilihan calon-calon yang bertanding di 18 DUN adalah *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter*, ceramah di alam maya dan juga video pendek. Kemudiannya diikuti dengan *Instagram*, *Tiktok* dan lain-lain kaedah kempen secara alam maya yang menjadi sasaran kepada penghuni dan pengundi di kawasan perwakilan masing-masing. Walaupun dapatan ini tidak membincangkan secara khusus kepada bentuk parti (kerajaan mahupun pembangkang), namun kesemua 18 DUN menyifatkan kempen norma baharu ini mencabar dari kaedah secara bersemuka untuk pilihan raya sebelum ini. Namun begitu, aktiviti kempen berkempen menggunakan media sosial oleh calon dan parti bertanding dilihat lebih meriah di medan maya berbanding kaedah secara fizikal. Kepelbagaian kaedah penyampaian dengan kreativiti olahan mesej tidak menjadi halangan kepada 18 DUN untuk berkempen di medan alam maya.

Melalui tinjauan di sektor kawasan bandar seperti di N08 (Satok), N09 (Padungan), N11 (Batu Lintang) dan N14 (Batu Kawah) menjalankan aktiviti berkempen yang banyak tertumpu di media sosial. Muatnaik maklumat terkini dan berinformasi dalam *Facebook* dan *Twitter* menjadi rutin mengikut waktu berkala harian. Kemeriahan berkempen di medan alam maya ini begitu rancak dengan kreativiti calon-calon dalam menyampaikan isu-isu yang berkaitan dengan pilihan raya. Calon N14 (Batu Kawah) ada N6 (Tupong) telah menghasilkan video berbentuk dokumentari yang menampilkan pencapaian kedua-dua calon selama lima tahun di kawasan perwakilan masing-masing sejak 2016. Manakala sedutan video pendek juga menjadi tarikan dengan menayangkan kewibawaan dan personaliti calon-calon yang dipanjangkan ke dalam aplikasi *Whatsapp*, *Facebook* dan *Telegram*. Tempoh durasi video pendek pula adalah sekitar tidak lebih dari 2 minit tayangannya. Sesi interaksi secara langsung di alam maya bersama penghuni dikawasan perwakilan N10 (Pending) dan N73 (Piasau) turut digunakan bagi menghebahkan dan mempromosikan tawaran manifesto mereka kepada penghuni setempat. Durasi interaksi selama sejam ini digunakan sebaiknya oleh kedua-dua calon untuk mendekati hati pengundi dan penyokong mereka. Siaran secara langsung menerusi media sosial *Facebook* atau '*Facebook Live*' turut menjadi pilihan bagi calon-calon berkongsi perkembangan terkini mengenai isu tempatan dan kebajikan rakyat. Sidang media secara alam maya menjadi pilihan alternatif bagi calon-calon memaparkan aktiviti kempen pilihan raya mereka. Platform seperti *Whatsapp* dan *Telegram* telah digunakan semaksimum mungkin untuk mengedarkan risalah digital dan tawaran manifesto parti dengan rekabentuk infographik yang menarik.

Antara kelebihan-kelebihan kerkempen secara alam maya ini telah dinyatakan oleh Professor Datuk Mohd Fadzil Abdul Rahman (2021) adalah ketiadaan had masa dan waktu dalam berkempen di maya dan bahankempen seperti video dan gambar juga boleh dimainkan

berulang kali. Kempen secara maya juga membolehkan proses berkempen itu dilaksanakan dalam rumah masing-masing (rumah pengundi) tanpa perlu keluar. Ini bermakna, mesej itu boleh disampaikan dengan hanya duduk dan berurusan dari rumah sahaja. Tambahan pula, kreativiti, gaya penyampaian dan corak bahasa yang bersesuaian dengan semua peringkat lapisan pengundi dan juga demografi penduduk juga perlu dititikberatkan. Bahasa yang digunakan untuk bahan kempen juga perlulah mudah dan senang difahami untuk memenangi hati pengundi (Nur Aida Kipli, UiTM Sarawak, 2021)

Penggunaan media sosial dalam pilihan raya ini telah memudahcara aktiviti pemantauan dan kepatuhan untuk calon-calon yang bertanding. Tatacara penyampaian dan pengolahan mesej yang disampaikan dapat membantu menambahbaik sistem komunikasi tiga serangkai yakni calon-calon yang bertanding, pengundi serta penyokong dan pihak SPR yang mentadbir urus sistem pilihan raya ini.

Penutup

Dalam hasil dapatan yang dibentangkan, ia jelas menunjukkan bahawa terdapat kepelbagaian aplikasi media sosial yang telah digunapakai oleh 18 calon DUN untuk pilihan raya negeri Sarawak ke-12 kali ini. Pengadaptasian penggunaan platform media sosial ini bergantung kepada kandungan dan kreativiti penyampaian agar mesej yang disampaikan mencapai tujuan dan objektif berkempen. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya peranan media sosial dalam kehidupan komuniti berdigital dan keberkesanan pengaruhnya dalam sesebuah pilihan raya umum. Media sosial telah menjadi pilihan alternatif untuk berkempen secara norma baharu seiring dengan perkembangan teknologi yang semakin canggih dan dapat dikendalikan secara langsung. Halatuju penggunaan media sosial ini semakin meningkat permintaannya dan perkembangan yang searus dengan teknologi peradaban masa kini. Kesimpulannya, memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan media sosial sememangnya amat berkesan dan memberi pengaruh besar kepada calon-calon serta pengundi dan penyokong mereka dalam mengikuti perkembangan pilihan raya. Capaian dan aliran maklumat yang berkesan telah dapat mengawal gaya pemikiran dan tanggapan para pengundi dan penyokong terhadap sesebuah parti politik yang terlibat pilihan raya.

Rujukan

- Abdul Latif, R. (2021). Early Days of the Malaysian Power shifts: A Look at Two Media Reports. *Academic Letters*, Article 944. <https://doi.org/10.20935/AL944>.
- Astro Awani
- Berita Harian Online. 2021. Berbaki 6 hari, calon pergiat kempen pelbagai platform. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/12/898339/berbaki-6-hari-calon-pergiat-kempen-di-pelbagai-platform>
- Bicara Sarawak, BERNAMA
- Gomez, J. (2013). Malaysian's 13th General Election: Social Media and its Political Impact. The Malaysian Insider. http://mediamalaysia.net/wp-content/uploads/2013/09/GE13_Social_Media_James_Gomez-090913.pdf
- FreeMalaysiaToday Online. 2021. PRN Sarawak: calon berlumba masa selepas kempen masuk separuh kedua. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/12/11/prn-sarawak-calon-berlumba-masa-selepas-kempen-masuk-separuh-kedua/>
- Kaplan, A.M., & Haenlein, M. (2010). Users of the World, Unite! The Challenges and Opportunities of Social Media, *Business Horizon* 53, 59-68.

- Meijer, A. (2012). Co-production in an information age: Individual and community engagement supported by new media. *International Journal Voluntary and Nonprofit Organizations*, 23(4), 1156-1172.
- My Metro Online. 2021. Makin rancak berkempen dalam norma baharu. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/788028/makin-rancak-berkempen-dalam-norma-baharu-metrotv>
- My Metro Online. 2021. PRN Sarawak: Tempoh 12 hari berkempen memadai. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/781441/prn-sarawak-tempoh-12-hari-berkempen-memadai>
- My Metro Online. 2021. PRN Sarawak: Kempen semakin agresif. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/12/787625/prn-sarawak-kempen-semakin-agresif>
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA : Sage Publications, Inc.
- Salman, A., Yusoff, M.A., Mohamad Salleh, M.A. & Haji Abdullah, M.Y. (2018). Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 2018, Vol 3(1) 51-63. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp51-63>
- Sarawak Decides, TVS
- Sarawak Voice Online. 2021. Pelbagai cara kempen PRN-12 Sarawak. <https://sarawakvoice.com/2021/12/08/pelbagai-cara-kempen-prn-12-sarawak/>
- Sinar Harian Online. 2021. Di bandar atau luar bandar, kempen maya jadi pilihan utama. <https://www.sinarharian.com.my/article/177606/Pilihan-Raya/PRN-Sarawak/Di-bandar-atau-luar-bandar-kempen-maya-jadi-pilihan-utama>
- Sinar Harian Online. 2021. Pelbagai kaedah kreatif lengkapkan kempen PRN Sarawak. <https://www.sinarharian.com.my/article/176960/Pilihan-Raya/PRN-Sarawak/Pelbagai-kaedah-kreatif-lengkapkan-kempen-PRN-Sarawak>
- Sinar Harian Online. 2021. SOP PRN ubah cara berkempen, tampil norma baharu pilihan raya. <https://www.sinarharian.com.my/article/169237/BERITA/Politik/SOP-PRN-ubah-cara-berkempen-tampil-norma-baharu-pilihan-raya>
- Utusan Borneo Online. 2021. 'Perang' kempen kian sengit di alam maya. <https://amp.utusanborneo.com.my/2021/12/12/perang-kempen-kian-sengit-di-alam-maya>
- Utusan Online. 2013. Pilihan Raya media sosial – PM http://ww1.utusan.com.my?utusan?Dalam_Negeri/20130228/dn_02/Pilihan-raya-media-sosial---PM
- www.spr.gov.my